

28/12/2001

Pelbagai cabaran uji wibawa kementerian

Syuhada Choo Abdullah

TAHUN 2001 semakin menghampiri penghujungnya, namun sektor pendidikan sebagai wadah menjana generasi masa depan negara, terus berhadapan dengan pelbagai isu yang mendapat perhatian segenap lapisan masyarakat.

Sepanjang tahun ini, sektor pendidikan di bawah pimpinan Tan Sri Musa Mohamad menghadapi pelbagai cabaran yang secara tidak langsung menguji kewibawaan, kecekapan dan ketelusan pegawai perkhidmatan pendidikan dalam melaksanakan tanggungjawab, tetapi tidak kurang juga pengumuman perkhabaran gembira dari semasa ke semasa.

Tindakan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) membangkitkan isu pengasingan pelajar berdasarkan kaum di lebih 200 sekolah rendah dan menengah, membuktikan betapa bidang pendidikan tidak pernah sunyi daripada menjadi bahan kritikan supaya setiap kelemahan dapat diperbaiki.

Isu berkenaan jelas diteliti secara serius oleh Kementerian Pendidikan kerana ia menyentuh sensitiviti perkauman rakyat berbilang kaum, malahan tidak mustahil boleh menggugat perpaduan sekiranya tidak ditangani dengan segera dan bijak.

NUTP mendakwa senario pengasingan pelajar berdasarkan kaum itu membabitkan kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan 10,000 sekolah seluruh negara dan kes berkenaan dikatakan dikesan sejak 15 tahun lalu.

Walaupun terdapat banyak pihak tidak senang dengan tindakan NUTP, dan mendakwa NUTP mempunyai agenda tersembunyi, kesatuan terbabit tetap mempertahankannya sebagai memperjuangkan suatu isu pendidikan.

Malah, NUTP turut menyarankan supaya sebuah tribunal khusus ditubuhkan sebagai saluran untuk orang ramai memperdengarkan pandangan atau rungutan mereka berkaitan pendidikan, walaupun Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, sudah menyuarakan cadangan untuk membentuk badan penyiasat bebas bagi menangani isu berkenaan.

Bagaimanapun yang penting, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri sudah memberi penegasan bahawa bukan menjadi dasar kerajaan untuk mengasingkan pelajar berdasarkan kaum di mana-mana sekolah negara ini.

Sebenarnya, dakwaan NUTP itu bukanlah isu pertama berbangkit dalam sektor pendidikan tanah air yang menyentuh sensitiviti perkauman di Malaysia. Misalnya, awal tahun ini Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Suqiu) menggugurkan tuntutan berhubung tujuh perkara mengenai kedudukan, hak dan keistimewaan Melayu/Bumiputera, termasuk dalam konteks pendidikan.

Penyelesaian secara matang itu secara langsung melegakan rakyat yang pastinya tidak ingin keharmonian dinikmati selama ini dikeruhkan semata-mata angkara tuntutan Suqiu yang turut menyentuh isu kuota kemasukan pelajar Melayu/Bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Selain itu, kekecohan juga timbul ekoran kontroversi pemindahan sementara pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Damansara ke SJKC Puay Chai II, dibantah segelintir ibu bapa atas pelbagai alasan, termasuk kos pengangkutan yang tinggi, sehingga mereka lebih rela anak meneruskan pembelajaran dalam kontena di kawasan kuil berhampiran sekolah lama terbabit.

Malah, isu berkenaan yang berbangkit pada awal tahun ini menjadi genting apabila ibu bapa terbabit bertindak nekad membawa bersama anak mereka untuk berkumpul di pejabat Kementerian Pendidikan pada Februari lalu, sehingga turut menarik perhatian Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam).

Seterusnya, pemimpin serta rakyat turut dikejutkan dengan pendedahan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Methodist, Pokok Asam, Taiping, Tengku Habsah Tengku Petera, mengenai perbuatan empat murid tahun dua melakukan seks oral di bawah meja di bilik darjah mereka, Ogos lalu.

Lebih memalukan, hasil siasatan awal mendapati seorang daripada murid terbabit berbuat demikian kerana mengulangi apa yang ditonton dalam filem lucah bersama ibu bapa pada malam sebelumnya sekali gus menghangatkan lagi perdebatan mengenai tahap disiplin di kalangan pelajar.

Mempertingkatkan lagi kebimbangan masyarakat ialah isu pembabitan pelajar dalam kumpulan Black Metal yang mendedahkan pengikutnya kepada upacara pemujaan syaitan sehingga berlaku perbuatan membakar al-Quran, kegiatan seks bebas serta penampilan diri bertentangan dengan budaya timur.

Di samping kejutan kes kronik sedemikian, masyarakat juga tidak kurang tertarik dengan pengumuman Musa pada awal Oktober lalu bahawa tempoh persekolahan peringkat menengah rendah akan disingkatkan daripada tiga kepada dua tahun, manakala Penilaian Menengah Rendah (PMR) dimansuhkan apabila struktur baru persekolahan diperkenalkan tidak lama lagi.

Mengikut perubahan yang dicadangkan dalam program Pembangunan Pendidikan Sepuluh Tahun (2001-2010), pelajar juga akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ketika di tingkatan empat berbanding tingkatan lima sekarang.

Berdasarkan struktur baru berkenaan, Musa berkata, tempoh persekolahan akan dikurangkan daripada 13 tahun (enam tahun sekolah rendah, lima tahun sekolah menengah dan dua tahun tingkatan enam) kepada 12 tahun (enam tahun sekolah rendah, empat tahun sekolah menengah serta dua tahun tingkatan enam).

Selain itu mulai tahun depan, akujanji akan dikuatkuasakan ke atas kakitangan awam, termasuk pensyarah universiti dan guru, sebagai langkah mempertingkatkan tahap profesionalisme sekali gus memastikan mereka dapat menjalankan tugas diamanahkan dengan lebih baik serta berdisiplin.

Berdasarkan surat akujanji yang bakal dilaksanakan itu, seseorang kakitangan terbabit dikehendaki mematuhi sembilan perkara digariskan dan sekiranya disabit melanggar akujanji berkenaan, mereka boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.

Bagaimanapun, tahun 2001 tetap mencatat beberapa peristiwa dan perkhabaran gembira, antaranya ialah keputusan kerajaan meluluskan peruntukan cuti rehat tahunan kepada semua pengetua dan guru besar berkuatkuasa 1 Januari lalu.

Peruntukan cuti maksimum 35 hari setahun itu sekali gus membolehkan pengetua serta guru besar menikmati anugerah wang tunai gantian cuti rehat atau 'Golden Handshake' seperti yang diperoleh kakitangan awam lain sebelum ini.

Berdasarkan penganugerahan itu, kakitangan terbabit yang memiliki cuti rehat tahunan terkumpul sehingga 90 hari, berhak menikmati 'hadiah' maksimum tiga bulan gaji terakhir apabila bersara, mengikut jumlah baki hari cuti rehat yang masih belum diambil.

Sebelum ini difahamkan, pengetua dan guru besar tidak diperuntukkan sebarang cuti rehat tahunan di samping perlu terus bertugas sewaktu cuti penggal persekolahan, sebaliknya cuma diberi cuti sambilan tujuh hari setahun yang secara langsung tidak melayakkan mereka menikmati hadiah 'Golden Handshake'.

Akhirnya, pengumuman kerajaan untuk menaikkan gred perjawatan pengetua dalam DG3 kepada DG2 dan guru besar dari DGA5 ke DGA4, boleh dilihat sebagai klimaks berita baik, khususnya kepada golongan pentadbir sekolah berkenaan. Berdasarkan kenaikan gred itu, pengetua terbabit menikmati

perbezaan maksimum gaji pokok RM852.50, manakala guru besar pula RM143.

Melalui peningkatan gred yang berkuatkuasa Disember itu, pengetua serta guru besar terbabit bukan saja memperoleh kadar pendapatan lebih tinggi, malah bakal menikmati `perolehan berganda' apabila kenaikan 10 peratus gaji kakitangan awam pada tahun depan adalah berasaskan tangga gaji baru mereka itu.

Semoga dengan kerja keras kerajaan menerusi jentera Kementerian Pendidikan, sektor pendidikan tanah air akan terus berkembang dinamik pada 2002 seiring kemajuan global bagi menyediakan tapak ilmu yang mantap kepada keseluruhan rakyat negara ini.

(END)